

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI**

**TARIKH : 8 OGOS 2022 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan Brickfields dilihat sebagai kawasan mesra komuniti tidak berpenglihatan. Persoalannya, sejauhmanakah DBKL memastikan kawasan tersebut selamat untuk komuniti tidak berpenglihatan.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui usaha pengindahan kawasan di Brickfields di bawah projek *River Of Life* (ROL) yang telah disiapkan pada 25 Jun 2021, 70% daripada laluan utama pejalan kaki telah dinaiktaraf bagi memberi lebih keselesaan kepada pejalan kaki dan mesra kepada pengguna yang terdiri daripada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) termasuk kepada komuniti tidak berpenglihatan.

Laluan pejalan kaki dan koridor di hadapan deretan premis di Brickfields dipastikan supaya bebas halangan. Selain itu, pembahagaian zon telah dilaksanakan iaitu memisahkan zon pejalan kaki dengan zon perabot jalan seperti tiang lampu jalan, pokok, tong sampah dan sebagainya bertujuan mewujudkan **zon bebas halangan** kepada pejalan kaki.

Di samping itu, kelebaran laluan telah ditetapkan kepada sekurang-kurangnya 1,200mm. Permukaan laluan juga telah dinaiktaraf kepada permukaan yang rata manakala di sepanjang laluan disediakan **jubin penunjuk arah bertekstur** dan **jubin amaran bertekstur** untuk memudahkan mereka yang Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan bergerak.

DBKL juga masih lagi di dalam proses perancangan menyiapkan baki 30% kawasan keseluruhan Brickfields bagi memastikan kawasan tersebut selamat dan mesra kepada komuniti OKU penglihatan menjelang penhujung 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN MUHAMMAD ZAHID BIN MD ARIP**

**TARIKH : 8 OGOS (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN MUHAMMAD ZAHID BIN MD ARIP** minta **WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan langkah penyelesaian serta keselamatan bagi mengatasi masalah banjir dan pokok tumbang di ibu negara setiap kali hujan lebat sehingga mengundang ancaman nyawa kepada orang ramai.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dan akan melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk tindakan khas dalam tempoh interim bagi tujuan menangani banjir kilat di Kuala Lumpur dengan segera mengikut **Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022.**

Antara tindakan **serta-merta** yang telah dan akan diambil di kawasan yang terlibat dengan banjir kilat ialah dengan memastikan kelancaran air ke lubang saluran air ke longkang. Kerja pengorekan kelodak kolam takungan banjir dan penyelenggaraan sungai dan parit induk turut dilaksanakan. Guni-guni pasir juga telah dipasang di kawasan rendah limpahan air sungai.

DBKL menempatkan petugas, lebih **400** sukarelawan berdaftar dan jentera trak penunda serta 100 Warden Trafik DBKL untuk mempertingkatkan kawalan dan penyuraian trafik di kawasan *titik panas* banjir kilat dengan kerjasama Polis Trafik Kuala Lumpur.

Selain itu, DBKL telah dan akan melaksanakan pelbagai projek mitigasi banjir merangkumi tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang, berdasarkan keperluan dan kesesuaian di lokasi-lokasi titik panas banjir yang telah dikenalpasti dan juga berdasarkan cadangan langkah mitigasi banjir yang dicadangkan oleh pihak perunding mengikut **Pelan Induk Saliran dan Pengurusan Air Hujan Kuala Lumpur.**

Untuk mengatasi masalah pokok tumbang, DBKL telah melaksanakan kerja-kerja pemeriksaan dan cantasan pokok secara berkala bagi mengenalpasti pokok yang berisiko dan bermasalah.

Penyelenggaraan secara berkala ini dilakukan dengan pemantauan arboris bertauliah mengikut pusingan penyelenggaraan berdasarkan kawasan parlimen. DBKL juga ada membuat penilaian pokok berisiko tahap 3 pada pokok besar yang telah dikenalpasti di sekitar Kuala Lumpur dengan menggunakan alatan khas, iaitu *Resistograph*, dengan izin, untuk

## NO SOALAN: 4

menentukan tahap pereputan kayu pada pokok.

Sebanyak 85 pokok daripada sejumlah 900 pokok di pusat bandar telah dikenalpasti bermasalah melalui penilaian tahap 3 ini. Pokok besar yang dikenalpasti bermasalah ini telah ditebang dengan segera bagi mengelakkan kemalangan dan risiko pada orang awam. Pemeriksaan ini akan diteruskan dari semasa ke semasa untuk mengenalpasti pokok yang berisiko di sekitar bandaraya Kuala Lumpur.

Pokok-pokok yang ditebang ini akan digantikan dengan pokok lain bergantung kepada keluasan ruang penanaman. Jika keluasan ruang penanaman tidak sesuai untuk ditanam pokok, ianya akan digantikan dengan tumbuhan renek. Perancangan penanaman semula pokok di pusat bandar Kuala Lumpur dibuat berdasarkan **Garis Panduan Pelan Pengurusan Pokok Rendang Kuala Lumpur**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN BALASUBRAMANIAM A/L  
NACHIAPPAN**

**TARIKH : 8 OGOS 2022 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN BALASUBRAMANIAM A/L NACHIAPPAN** minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan apakah langkah pihak DBKL dalam meneliti semula prosedur tatacara permohonan lesen peniaga kecil agar dipermudahkan kerana menurut aduan ia mengambil tempoh yang lama untuk diluluskan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara keseluruhannya permohonan lesen DBKL adalah berdasarkan beberapa jenis kategori lesen seperti dalam bangunan yang melibatkan pusat penjaja dan pasar, kawasan terbuka seperti di pasar malam dan pasar pagi, dan permohonan menjalankan aktiviti perniagaan di tempat awam seperti tepi jalan, siar kaki dan lain-lain.

Sebagai langkah penambahbaikan kepada prosedur permohonan lesen peniaga kecil yang sebelum ini dilaksanakan secara manual, DBKL telah mula menggunakan Sistem eLesen sepenuhnya pada 1 Julai 2022 bagi memudahkan proses permohonan lesen dibuat secara atas talian. Ini dapat mengurangkan tempoh masa permohonan bagi setiap kategori lesen.

Bagi permohonan lesen di dalam pusat penjaja dan berbangunan adalah berdasarkan iklan kekosongan unit sedia ada. Pemaklumanan keputusan permohonan lesen dan tawaran sewa unit terbabit adalah dalam tempoh 30 hari dari tarikh iklan tersebut. Manakala keputusan bagi permohonan tapak pasar malam dan pasar pagi akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan diterima. Permohonan tersebut adalah melalui penganjur yang dilantik.

Seterusnya keputusan bagi permohonan lesen yang melibatkan gerai tepi jalan di tempat awam, siar kaki dan lain-lain, tempoh yang diambil adalah selama 30 hari dari tarikh permohonan diterima serta tertakluk kesesuaian lokasi.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHDAYA**

**TARIKH : 8 OGOS 2022 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHDAYA** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan bagaimanakah DBKL dapat memastikan penjanaan pendapatannya dalam Bajet 2023 akan dapat menampung semua kos yang timbul supaya ianya tidak lagi menghasilkan bajet defisit seperti tahun-tahun yang lalu.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat, hasil utama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah terdiri daripada hasil cukai taksiran iaitu lebih kurang 60% daripada keseluruhan hasil DBKL dan caj pembangunan iaitu lebih kurang 20% daripada keseluruhan hasil DBKL. Dianggarkan hasil cukai taksiran adalah melebihi RM1bilion dan caj pembangunan melebihi RM400 juta pada tahun 2022.

Memandangkan ekonomi negara kini bertambah pulih dan pembangunan kembali rancak, adalah dijangkakan pada tahun 2023 akan berlaku peningkatan hasil daripada kutipan cukai taksiran dan caj pembangunan.

Di samping itu, DBKL menjana hasil melalui sewaan yang kini hampir mencecah RM100 juta. Pendapatan daripada sewaan Rumah Majlis yang merupakan sumber pendapatan baharu akan mula diterima pada sukuan keempat tahun 2022 dan ini akan meningkatkan keseluruhan hasil DBKL.

Selain itu, DBKL telah memohon supaya Kerajaan Persekutuan dapat menyalurkan sepenuhnya peruntukan yang belum diterima yang melibatkan bayaran tunggakan yuran pelupusan sampah (*tipping fee*) Bukit Tagar, kos pengalihan utiliti lebuhraya SPRINT, peruntukan MARRIS dan kos penyelenggaraan perumahan Perumahan Awam (PA) dan Program Perumahan Rakyat (PPR).

DBKL sentiasa melaksanakan perbelanjaan berhemah dan berdasarkan nilai yang terbaik dengan meneruskan projek-projek yang mengutamakan kesejahteraan warga kota. Oleh itu, DBKL juga telah memohon supaya Kerajaan Persekutuan dapat menyalurkan peruntukan yang lebih tinggi pada tahun 2023.

Secara keseluruhannya, pendekatan peningkatan hasil dan kawalan perbelanjaan yang dilaksanakan oleh DBKL dijangka akan mengelakkan Belanjawan DBKL mengalami defisit pada tahun 2023.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH**

**TARIKH : 9 OGOS 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' ARMAN AZHA BIN ABU HANIFAH** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk mewujudkan hab perniagaan khusus untuk warga Orang Kurang Upaya (OKU) di Kuala Lumpur dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan dan taraf hidup mereka selain berpotensi dijadikan pusat tarikan pelancongan di kawasan bandaraya.

**JAWAPAN**

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini hab-hab perniagaan turut ditawarkan kepada warga Orang Kurang Upaya (OKU) di Kuala Lumpur. DBKL dari semasa ke semasa, meningkatkan infrastruktur hab perniagaan supaya lebih mesra OKU. Sehingga Jun 2022, sebanyak 2,947 permohonan lesen perniagaan yang telah diterima daripada OKU, dan daripada jumlah ini, sebanyak 1,849 permohonan yang telah diluluskan.

Untuk makluman, antara contoh premis perniagaan yang telah dinaiktaraf supaya mesra OKU adalah di Pusat Penjaja *Lucky Gardens*, Bangsar, Pusat Penjaja UTC Sentul, Pusat Komuniti Bandar Tun Razak dan Pasar Harian Selayang.

Bagi semua syarat pembangunan baru, DBKL telah menetapkan agar pemaju perlu mematuhi standard piawaian Malaysia iaitu MS 1184:2014 (Keperluan Rekabentuk Sejagat dan Malaysia Standard) dan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI**

**TARIKH : 9 OGOS 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK RAS ADIBA BINTI MOHD RADZI** minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan apakah tindakan bagi memastikan Wilayah Persekutuan sebagai bandar aksesibiliti dan mobiliti di Malaysia serta adakah Kementerian menerusi DBKL akan meningkatkan dan mengetatkan denda maksima bagi penyalahgunaan kemudahan OKU di ibu kota.

**JAWAPAN**

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sentiasa prihatin terhadap warga Orang Kurang Upaya (OKU) di Wilayah Persekutuan. Ini dapat dibuktikan melalui perlaksanaan dan penguatkuasaan yang dilaksanakan oleh pihak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) yang berterusan bagi menjadikan Wilayah Persekutuan sebagai bandar aksesibiliti dan mobiliti di Malaysia.

Dalam usaha ini DBKL telah memastikan supaya setiap permohonan pembangunan yang dikemukakan untuk mematuhi **Garis Panduan Rekabentuk Bebas Halangan, Garis Panduan Butiran Kemudahan Akses Bagi Orang Kurang Upaya, Garis Panduan Rekabentuk Sejagat di Alam Bina (MS1184:2014)** serta **Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685)**.

Selain itu, pihak DBKL melalui Jabatan Kawalan Bangunan telah melakukan Audit Aksesibiliti Kemudahan OKU terhadap premis-premis awam dan persendirian sediada bagi memastikan pematuhan terhadap MS1184:2014 oleh pemaju. Sehingga Julai 2021 jumlah bangunan yg di audit adalah sebanyak 116 buah yang meliputi bangunan Residensi, bangunan Komersil-Hotel, Kompleks Perniagaan, Rumah kedai/pejabat serta kemudahan awam bersama bangunan seperti Jejantas Awam, Tempat Letak Kereta Awam, Kompleks Sukan dan Bangunan Sekolah.

Penguatkuasaan juga merupakan salah satu tindakan yang diambil bagi memastikan Wilayah Persekutuan sebagai bandar aksesibiliti dan mobiliti di Kuala Lumpur. Setakat ini, bagi kesalahan penyalahgunaan kemudahan OKU di ibu kota, DBKL masih lagi mengekalkan kadar denda yang sama.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI**

**TARIKH : 9 OGOS 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI** minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan jumlah jambatan pejalan kaki di ibu kota, termasuk yang sedang dibina, selesai dibina, dan yang telah dirobohkan dalam 10 tahun ini. Bagaimanakah Kementerian menentukan perlunya jambatan pejalan kaki di sesebuah kawasan.

**JAWAPAN**

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Penyediaan jejantas adalah bertujuan untuk memastikan keselamatan dan juga kemudahsampaian orang awam dari satu kawasan ke kawasan lain, iaitu seperti:

- i. Penyediaan kemudahan jejantas yang menghubungkan dari satu kawasan pembangunan sama ada ke stesen pengangkutan awam atau ke kawasan kemudahan-kemudahan lain bagi memudahkan pihak awam ke destinasi yang dituju.
- ii. Kemudahan jejantas yang menghubungkan satu bangunan ke bangunan lain yang berhampiran bagi mengurangkan pergerakan menggunakan kenderaan.

Keperluan pembinaan jejantas ini ditentukan berdasarkan lokasi dan permintaan dari orang awam, manakala penentuan cadangan penyediaan jejantas pejalan kaki disyaratkan dalam cadangan pembangunan melalui kelulusan Perintah Pembangunan bagi menghubungkan satu kawasan atau tapak pembangunan. Selain itu, penentuan kepada penyediaan jejantas ini juga adalah berdasarkan keperluan pengguna.

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak 114 buah jejantas yang telah siap dibina dan di senggara oleh DBKL. Sebanyak 9 buah jejantas telah dibina oleh DBKL dalam tempoh 10 tahun sebelum ini dan pada masa ini, DBKL tidak mempunyai perancangan untuk membina jejantas yang baharu. Sebanyak 3 buah jejantas telah dirobohkan untuk pembinaan MRT 2 tetapi telah diganti oleh pihak MRT Corporation.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA**

**TARIKH : 9 OGOS 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAYA** minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan apakah yang telah dilakukan atau tindakan yang diambil pihak DBKL dalam meringankan beban kos sara hidup rakyat yang semakin tinggi di bandaraya kita.

**JAWAPAN**

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) sentiasa prihatin dalam membantu rakyat menghadapi kos sara hidup yang meningkat khususnya rakyat di Wilayah Persekutuan. Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah mengambil pelbagai inisiatif berterusan bertujuan untuk menangani isu kos sara hidup melalui Program MYGrocer@Wilayah, MYSchoolBus@Wilayah, MYJob@Wilayah, MYMedic@Wilayah dan MYFood@Wilayah. Di samping itu, KWP dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyediakan kemudahan perumahan untuk sewaan dengan kadar mampu milik melalui program Rumah Majlis (*Council Home*) serta Rumah Mikro (*Micro Housing*).

Selain daripada itu, KWP turut melaksanakan langkah-langkah proaktif dengan mewujudkan program jaringan sosial bertujuan meningkatkan pendapatan melalui keusahawanan seperti Program Usahawan Muda Kota dan pemberian lesen perniagaan kecil Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (IWBB).

Sebagai makluman kepada Yang Berhormat Senator juga, mulai 14 Julai 2022, KWP telah memperkenalkan Program Jualan Rakyat MYGrocer@Wilayah yang diadakan satu kali seminggu. Program Jualan Rakyat MYGrocer@Wilayah ini merupakan usaha KWP dalam membantu rakyat menangani peningkatan kos sara hidup melalui penyediaan jualan ayam dan telur ayam dengan pemberian subsidi.

Nilai subsidi yang diberikan oleh KWP bagi tempoh sebulan program ini dijalankan di Kuala Lumpur dan Labuan adalah sebanyak RM581,000.00.

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, KWP memberikan kadar subsidi bersasar sebanyak RM3.00 bagi pembelian seekor ayam (Super) manakala RM0.50 subsidi bagi 10 biji telur ayam. Pemberian subsidi ini akan memanfaatkan seramai 147,000 penduduk yang tinggal di 61 Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di Kuala Lumpur. Sehingga 5 Ogos 2022, seramai 63,296 penerima manfaat telah menikmati subsidi ayam segar dan telur ayam di Kuala Lumpur dengan nilai subsidi yang telah dibiayai oleh KWP sebanyak RM221,536.00.

Di samping itu, pembekal-pembekal di bawah program ini juga menjual barang keperluan asas seperti ikan, daging, sayur-sayuran dan barang makanan kering seperti gula, tepung dan minyak masak dengan kadar 5 hingga 10 peratus lebih murah berbanding pasar awam berdekatan kepada penduduk, khususnya di PPR dan PA di Kuala Lumpur. Ini merupakan inisiatif pembekal-pembekal sendiri tanpa melibatkan subsidi daripada KWP.

Manakala, pelaksanaan Program Jualan Rakyat MYGrocer@Wilayah di Labuan dilaksanakan melalui peruncit-peruncit yang telah dikenalpasti oleh Perbadanan Labuan bagi memudahkan pemberian subsidi serta aksesibiliti kepada kumpulan sasar. Pemberian subsidi ini dijangka memanfaatkan seramai 15,000 penduduk di Labuan.

Mulai 15 Ogos 2022, KWP akan melaksanakan Program Jualan Keluarga Malaysia, selaras dengan arahan dan keputusan Jawatankuasa Jihad Menangani Inflasi. Melalui program ini, penduduk di PPR/PA bakal mendapat manfaat dari jualan murah sebanyak dua kali seminggu, yang bakal dilaksanakan kelak.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHDAYA**

**TARIKH : 9 OGOS 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHDAYA** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan adakah nilai pampasan pembangunan semula Sungai Baru, Kampung Baru berdasarkan *future value* atau nilaian semasa (*as is basis*). Walaupun unit-unit tersebut tidak mempunyai nilai ekonomi yang tinggi tetapi tanpa tanah Sungai Baru, pembangunan semula adalah tidak boleh dilaksanakan.

**JAWAPAN**

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengambilan tanah bagi Projek Pembangunan Semula Kawasan Sungai Baru melibatkan 37 lot teres, 72 unit flat dan 1 lot pencawang elektrik Tenaga Nasional Berhad (TNB). Sesi siasatan pengambilan tanah bagi 37 lot teres dan 1 lot pencawang elektrik TNB masih lagi ditangguhkan oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah & Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKPTG WPKL).

Sesi siasatan pengambilan tanah bagi 72 unit flat pula telah bermula pada November 2021 hingga Mac 2022 oleh JKPTG WPKL. Bayaran pampasan unit flat mula dibayar secara berperingkat mulai Februari 2022 mengikut keluasan petak rumah, kos pengubahsuaian dan pembaikan rumah, kedudukan tingkat rumah dan kos pindah.

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Berdasarkan Artikel 13, Perlembagaan Persekutuan, Hak Terhadap Harta, tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang. Dan tiada undang-undang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai.

Nilai Pampasan Pengambilan Tanah bagi Projek Pembangunan Semula Kampung Sungai Baru, Kampung Baru Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah berdasarkan kepada Jadual Pertama (Seksyen 12, 35 dan 47) Prinsip-Prinsip Berhubungan Dengan Penentuan Pampasan yang digariskan dalam Akta Pengambilan Tanah 1960. Pampasan pengambilan tanah adalah **berasaskan nilai pasaran semasa dan tidak berdasarkan** kepada nilai pasaran hadapan (*future value*) kerana penilaian yang dilaksanakan oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH), Kementerian Kewangan adalah pada tarikh warta iaitu pada 18 Jun 2021. Perkara-perkara yang diambil kira bagi tujuan penentuan jumlah pampasan adalah; **nilai semasa tanah dan bangunan, penjejasan pendapatan, kos ubahsuaui bangunan dan kos**

perpindahan.

Pampasan kepada pemilik flat yang terlibat telah dibayar dalam lingkungan **RM198,000.00 hingga RM350,000.00** mengikut prinsip **Jadual Pertama, Akta Pengambilan Tanah 1960 (Akta 486)** yang memperuntukkan mengenai prinsip berhubungan dengan penentuan jumlah pampasan kepada orang yang berkepentingan yang terlibat dengan pengambilan tanah.

Mana-mana pemilik flat yang tidak berpuas hati dengan tawaran JKPTG WPKL bolehlah mengemukakan bantahan melalui Borang N (Permohonan Supaya Bantahan Dirujukkan Kepada Mahkamah) Akta 486 dalam tempoh 42 hari dari tarikh award.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI**

**TARIKH : 10 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan kebelakangan ini kesesakan lalu lintas terutamanya di ibu kota amat tidak memuaskan. Mohon Menteri jelaskan pendekatan kualitatif dan kuantitatif yang diambil oleh Kementerian, hasil pendekatan tersebut dan jaminan Kementerian kepada pengguna jalan raya.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Dewan yang mulia Tuan Yang di-Pertua, suka saya mulakan jawapan saya dengan jumlah ataupun peratusan pertambahan kenderaan yang masuk ke bandar Kuala Lumpur yang menjadi penyumbang terbesar kepada kesesakan yang berlaku sekarang. Pergerakan kenderaan telah mencatatkan kenaikan sebanyak 45 peratus, Tuan Yang di-Pertua.

Pada bulan Disember 2021, yakni 38.44 juta buah kenderaan yang masuk berbanding dengan 26.5 juta buah kenderaan pada Disember 2019. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh pembukaan sektor selepas kita melalui proses pandemik dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) juga sedang melaksanakan beberapa inisiatif bagi meredakan kesesakan lalu lintas ini dengan mengambil tindakan-tindakan jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang bagi mengatasi punca-punca kesesakan yang telah dikenal pasti.

Selain daripada yang saya sebut tentang peningkatan jumlah kenderaan tadi, antara penyebab kepada kesesakan ini ialah kerana kurangnya penggunaan pengangkutan awam, jumlah penutupan lalu lintas, projek pembinaan dan penyelenggaraan, kemalangan, kemasukan kenderaan dan juga jentera berat ketika waktu yang tidak dibenarkan, termasuk penjaja yang tidak dibenarkan- illegal hawkers letak kereta dan termasuk laluan-laluan di plaza tol.

Langkah jangka pendek, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, pihak DBKL juga sudah dan akan meletakkan papan tanda larangan kenderaan berat masuk ke Kuala Lumpur. Pagi, pada waktu 6.30 pagi sehingga 9.30 pagi, petang pada pukul 4.30 petang sehingga 7.30 petang. Kedua, DBKL juga telah mengalirkan maklumat ini melalui sistem pesanan ringkas di paparan telefon tangan- handphone masing-masing.

## NO SOALAN: 8

Jangka sederhana Tuan Yang di-Pertua, kita ada lapan iaitu:

- (i) melarang kenderaan untuk meletak di bahu jalan;
- (ii) dalam proses untuk kita menghapuskan kesemua tempat letak kereta di jalan-jalan utama oleh pihak DBKL;
- (iii) untuk melarang penjaja bermiaga di bahu jalan semasa waktu puncak. Kalau ada peniaga menjalankan pada waktu puncak, kita akan melakukan penguatkuasaan;
- (iv) mengemaskinikan papan-papan tanda;
- (v) mencadangkan lorong akses plaza tol ini untuk ditukar supaya laluan itu menjadi pelbagai guna- multipurpose. Sekarang ini RFID kita guna satu lorong saja, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kereta itu ia akan mengular dan menukar haluan pada saat akhir. Ini penyebab kepada kesesakan yang telah kita kenal pasti; dan
- (vi) menambah lagi laluan kontra- tidal flow bagi mengurangkan kenderaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya minta sedikit masa untuk masa langkah panjang pula, Tuan Yang di-Pertua. Lima perkara Tuan Yang di-Pertua, langkah panjang yakni:

- (i) menambahkan penambahbaikan untuk first mile dan last mile bagi semua pengangkutan awam;
- (ii) integrasi antara konsesi lebuh raya dan penyuraian trafik yang lebih berkesan;
- (iii) penambahbaikan penggunaan bas pengangkutan awam, GoKL dan Rapid Bus ini, Tuan Yang di-Pertua;
- (iv) penambahan infrastruktur sokongan seperti underpass, laluan pejalan kaki dan sebagainya; dan
- (v) untuk menguatkuasakan semula infrastruktur laluan lorong bas di Bandaraya Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAJA**

**TARIKH : 10 OGOS 2022 (RABU)**

**SOALAN**

**DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHAJA** minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak DBKL terhadap operator yang terlibat dengan menyewa lesen mereka kepada warga asing dalam program pemutihan pekerja asing di Pasar Borong yang telah berlaku sekitar bulan Mac dan Disember 2020 dan berapakah jumlah lesen yang telah dikeluarkan bagi tempoh masa tersebut.

**JAWAPAN**

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2020, Jabatan Pelesenan dan Pembangunan Perniagaan, DBKL telah mengeluarkan Surat Tunjuk Sebab (STS) kepada 15 pemegang lesen di dalam kawasan Pasar Borong Kuala Lumpur atas kesalahan melanggar syarat lesen iaitu melantik/ menggaji pembantu/ pekerja warga asing.

Kesemua 15 pemegang lesen tersebut telah pun dibatalkan lesen-lesen mereka seperti keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pembatalan Lesen Penjaja DBKL.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah lesen yang telah dikeluarkan sehingga kini adalah sebanyak 448 lesen, berpandukan kepada jumlah tapak perniagaan yang ada di dalam kawasan Pasar Borong Kuala Lumpur. Bagi tempoh Mac dan Disember 2020, tiada lesen baru yang dikeluarkan di pasar borong tersebut kerana tiada kekosongan bagi petak-petak perniagaan untuk dilaksanakan aktiviti perniagaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHDAYA**

**TARIKH : 11 OGOS 2022 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHDAYA** minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan apakah kaedah jangka pendek DBKL bagi mengatasi masalah banjir kilat di Kuala Lumpur, selain daripada cadangan membina satu lagi terowong SMART yang memerlukan kos pembinaan yang tinggi dan juga jangka masa yang panjang untuk disiapkan, sedangkan rakyat tertekan dengan situasi sekarang yang mengancam nyawa dan harta benda awam.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dan akan melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk tindakan khas dalam tempoh interim bagi tujuan menangani banjir kilat di Kuala Lumpur dengan segera mengikut **Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022.**

Antara tindakan **serta-merta** yang telah dan akan diambil di kawasan yang terlibat dengan banjir kilat ialah dengan memastikan kelancaran air ke lubang saluran air ke longkang. Kerja pengorekan kelodak kolam takungan banjir dan penyelenggaraan sungai dan parit induk turut dilaksanakan. Guni-guni pasir juga telah dipasang di kawasan rendah limpahan air sungai.

DBKL menempatkan petugas, lebih **400** sukarelawan berdaftar dan jentera trak penunda serta 100 Warden Trafik DBKL untuk mempertingkatkan kawalan dan penyuraian trafik di kawasan *titik panas* banjir kilat dengan kerjasama Polis Trafik Kuala Lumpur.

Selain itu, DBKL telah dan akan melaksanakan pelbagai projek mitigasi banjir merangkumi tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang, berdasarkan keperluan dan kesesuaian di lokasi-lokasi titik panas banjir yang telah dikenalpasti dan juga berdasarkan cadangan langkah mitigasi banjir yang dicadangkan oleh pihak perunding mengikut **Pelan Induk Saliran dan Pengurusan Air Hujan Kuala Lumpur.**

Di samping itu, sebagai tindakan jangka panjang, pembinaan terowong simpanan air bawah tanah berskala besar di Kuala Lumpur sedang dirancang untuk dibina di bawah jajaran sungai atau jalan raya sedia ada. Buat masa ini, DBKL sedang melantik juruperunding untuk melaksanakan kajian kesesuaian terhadap cadangan tersebut. Terowong simpanan air bawah tanah berskala besar ini telahpun dibina di beberapa bandar besar seperti Tokyo, Bangkok, Singapura dan Amsterdam, dan kita mengambil contoh terbaik sebagaimana bandar-bandar tersebut mengatasi masalah banjir di tempat mereka. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI**

**TARIKH : 11 OGOS 2022 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI** minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan apakah perkembangan penaiktarafan infrastruktur pejalan kaki dan pendedahan keperluannya dalam usaha mengurangkan kesesakan lalu lintas melalui konsep peningkatan '*willingness to walk*' dalam kalangan penduduk Kuala Lumpur.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sedang giat dalam usaha mempertingkatkan infrastruktur pejalan kaki dan pendedahan keperluannya bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas melalui konsep peningkatan '*willingness to walk*', **dengan izin**, dalam kalangan penduduk di Kuala Lumpur.

DBKL telahpun membuat kajian dan perancangan untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang berpotensi untuk dinaiktaraf bagi tujuan ini. Ini dapat dibuktikan dengan beberapa projek yang telah dan sedang dilaksanakan oleh DBKL di sekitar bandaraya Kuala Lumpur seperti projek menaiktaraf laluan pejalan kaki berbunga, projek pemuliharaan imej rekabentuk bandar, projek menaiktaraf lorong-lorong belakang, projek *pocket park*, **dengan izin**, dan sebagainya.

Ketika ini, terdapat secara keseluruhan 23 kawasan atau projek di sekitar bandaraya Kuala Lumpur telah dikenal pasti berpotensi untuk dinaiktaraf, dimana sehingga **Julai 2022, daripada 23 projek ini, 8 telah siap, 7 dalam pembinaan dan 8 dalam perancangan** untuk dilaksanakan.

Terdapat juga beberapa lagi projek yang masih di dalam perancangan dan di peringkat tender. Objektif projek ini adalah untuk **menambahbaik fasiliti sedia ada** di Kuala Lumpur dengan memastikan elemen keselamatan dan keselesaan pengguna ditingkatkan dan diberi keutamaan dalam usaha menggalakkan '*willingness to walk*' di kalangan warga Kuala Lumpur.

**NO SOALAN: 10**

Untuk makluman, projek-projek ini dirancang supaya ianya mempunyai satu jaringan yang lengkap dan apabila siap kelak ianya dapat menghubungkan di antara satu sama lain serta memberi imej baru atau penjenamaan semula kepada kawasan yang terlibat dan secara tidak langsung dapat menjadi salah satu produk pelancongan kepada Kuala Lumpur.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK HAJI BASHIR BIN HAJI ALIAS**

**TARIKH : 15 OGOS 2022 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK HAJI BASHIR BIN HAJI ALIAS (LABUAN)** Minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apakah status terkini kemajuan projek *Outlet Bebas Cukai Premium* bernilai RM75 juta yang sepatutnya telah beroperasi pada tahun 2020 namun sehingga kini masih lagi terbengkalai dan apakah faktor yang menyebabkan situasi ini berlaku.

**JAWAPAN**

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pembangunan Fasa 1 BVO Premium Outlet di atas sebahagian Lot 9145 PN 4482 (60 unit) tanah milik Perbadanan Labuan (PL) telah mula dilaksanakan. Keluasan pembinaan yang meliputi 6 ekar dan pembinaan telah bermula pada 1 Jun 2018 dan sepatutnya siap pada 31 Mei 2021 atau tarikh lanjutan yang dipersetujui PL. Walau bagaimanapun sehingga hari ini hanya kerja-kerja cerucuk telah siap di tapak.

Pihak syarikat telah mula memberhentikan kerja-kerja pembinaan semasa pandemik COVID-19 melanda. Dalam hubungan ini, PL sedang mengambil langkah-langkah selanjutnya selari dengan syarat-syarat kontrak yang dipersetujui oleh syarikat berkenaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHDAYA**

**TARIKH : 16 OGOS 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK MOHD HISAMUDIN BIN YAHDAYA** minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan berdasarkan pelan struktur Kuala Lumpur 2040, keutamaan diberi kepada zoning dan guna tanah. Mengapakah terdapat masalah kekurangan keluasan kawasan lapang, kawasan tadahan sungai dan saliran dalam perancangan tersebut di mana faktor inilah yang merupakan penyumbang kepada isu banjir dan kesesakan lalu lintas dalam bandar.

**JAWAPAN**

**Tan Sri Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040 (PSKL2040) merupakan dokumen perancangan yang menggariskan dasar-dasar perancangan dan pembangunan Kuala Lumpur. Dasar-dasar ini dinyatakan dalam bentuk hala tuju strategik dan tindakan.

Berdasarkan Draf PSLK2040 di dalam Matlamat 3: Bandaraya Sihat dan Vibran, penyediaan tanah lapang telah meningkat 72% daripada keluasan asal 585.93 hektar pada tahun 1984 kepada 2,006.71 hektar pada tahun 2020 dengan nisbah 11.26 meter persegi bagi setiap penduduk. Untuk perancangan sehingga 2040, Draf PSLK2040 telah mensasarkan keperluan nisbah tanah lapang adalah 20 meter persegi bagi setiap penduduk bagi menampung keperluan tambahan penduduk yang dijangka 2.25 juta pada tahun 2040.

Bagi menampung keperluan ini, Draf PSLK2040 mencadangkan inisiatif seperti berikut:

- i. Meningkatkan litupan kanopi pokok;
- ii. Mewartakan dan memelihara tanah lapang;
- iii. Mengaktifkan taman dan tanah lapang sedia ada;
- iv. Membangunkan rangkaian penghubung taman dan koridor biru; dan
- v. Penambahan densiti hijau secara vertikal pada pembangunan baharu terutamanya kawasan pembangunan semula.

Draf PSLK2040 juga memberi penekanan kepada tindakan untuk mengekalkan dan mewartakan tasik dan bekas lombong yang dikenalpasti sebagai kolam tадahan banjir serta mempertingkatkan fungsinya sebagai kawasan lapang dan rekreasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, penekanan berkenaan dengan perancangan zon guna tanah akan diperincikan di dalam Pelan Tempatan Kuala Lumpur 2040. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI**

**TARIKH : 16 OGOS 2022 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATUK DR. DOMINIC LAU HOE CHAI** minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan

- (a) bagaimanakah Kementerian memastikan program Residensi Wilayah benar-benar efektif, mencapai objektifnya, dan;
- (b) apakah statistik permohonan dan pemilikan rumah oleh golongan B40 dan M40 (bawah).

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

- (a) Bagi memastikan program Residensi Wilayah Keluarga Malaysia (RWKM) benar-benar efektif dan mencapai objektifnya, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melaksanakan penawaran dan tapisan permohonan RWKM dibuat berdasarkan syarat-syarat yang ditetapkan. Permohonan RWKM adalah secara atas talian sepenuhnya melalui portal RWKM. Syarat kelayakan permohonan adalah Warganegara Malaysia berumur 21 tahun ketika permohonan dibuat dan dilahirkan atau menetap atau bekerja di Wilayah Persekutuan. Pendapatan isi rumah tidak melebihi RM10,000 sebulan bagi pemohon bujang/tidak berkeluarga atau tidak melebihi RM15,000 sebulan bagi pemohon yang telah berkahwin. Bagi memastikan pemohon menepati syarat kelayakan yang ditetapkan, antara dokumen yang wajib dikemukakan untuk pengesahan urus setia adalah surat akuan sumpah, salinan kad pengenalan, slip gaji, surat pengesahan majikan, bil elektrik dan bil air tempat tinggal.

Dalam masa yang sama, KWP telah mensasarkan pembinaan sebanyak 80,000 unit Rumah Mampu Milik di Wilayah Persekutuan dalam tempoh 10 tahun mulai 2018 hingga 2028. Pencapaian Residensi Wilayah Keluarga Malaysia (RWKM) sehingga Jun 2022, sebanyak **59,916 unit** telah diluluskan untuk disediakan kepada warga Wilayah Persekutuan. Jumlah keseluruhan adalah **88 projek**.

- (b) Statistik jumlah permohonan secara atas talian melalui portal Residensi Wilayah Keluarga Malaysia (RWKM) mulai tahun 2018 hingga 30 Jun 2022 adalah sebanyak 147,067 permohonan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **26,739** orang pemohon yang telah mendapat penawaran melibatkan **16,149** pemohon daripada **golongan B40** dan **10,590** pemohon daripada **golongan M40**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE**

**SOALAN**

**DATUK TEO ENG TEE @ TEO KOK CHEE** minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan senarai projek tebatan banjir yang dilaksanakan pada tahun ini di Kuala Lumpur. Mohon Menteri menerangkan kajian dasar yang telah dibuat bagi menangani sebarang ancaman banjir kilat.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dan akan melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk tindakan khas dalam tempoh interim bagi tujuan menangani banjir kilat di Kuala Lumpur dengan segera mengikut **Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022**. Melalui pelan ini, terdapat lapan (8) projek tebatan banjir di peringkat perlaksanaan dan lima (5) projek di dalam proses lantikan kontraktor. Senarai projek adalah seperti di dalam Jadual dibawah:-

Bil	Senarai Projek di Peringkat Perlaksanaan Tahun 2022
1.	Cadangan mempertingkatkan sistem perparitan induk untuk mengatasi masalah banjir kilat di Jalan Jinjang Indah 3 hingga Jalan Jinjang Permai 4 dan kawasan sekitarnya di Jinjang Utara, Kepong, Kuala Lumpur
2.	Cadangan mempertingkatkan sistem saliran di Sungai Kayu Ara, Taman Tun Dr. Ismail, Kuala Lumpur
3.	Cadangan mempertingkatkan sistem perparitan utama dan kerja – kerja <i>pipe jacking</i> di kawasan tadahan Sungai Toba, Segambut Bahagia, Kuala Lumpur
4.	Membina penutup (Slab) di atas Sungai Toba berhadapan Masjid Al-Ubudiah (Baru) Segambut Dalam, Kuala Lumpur
5.	Cadangan Projek Tebatan Banjir di Taman Botani Perdana, Kuala Lumpur.
6.	Cadangan mempertingkatkan sistem saliran utama untuk mengatasi masalah banjir di sekitar persimpangan Jalan Klang Lama dan Jalan Kuchai Lama, KL
7.	Cadangan mempertingkatkan sistem perparitan induk dan pengurusan air hujan di Jalan 9, dan kawasan sekitar di Kampung Cheras Baru, Kuala Lumpur

<b>Bil</b>	<b>Senarai Projek di Peringkat Perlaksanaan Tahun 2022</b>
8.	Cadangan mempertingkatkan sistem saliran induk dan sistem pengurusan air hujan di Jalan Permaisuri 3 dan kawasan sekitarnya di Bandar Sri Permaisuri
<b>Bil</b>	<b>Senarai Projek di Peringkat Perlantikan Kontraktor Bagi Perlaksanaan Projek Tahun 2022</b>
1.	Cadangan mempertingkatkan sistem perparitan induk untuk mengatasi banjir kilat di Jalan Terkukur dan sekitarnya, Taman Million, Kuala Lumpur
2.	Cadangan mempertingkatkan sistem perparitan dan pengurusan air hujan untuk mengatasi masalah banjir di Taman Sri Rampai Setapak, Kuala Lumpur
3.	Mempertingkatkan sistem saliran untuk mengatasi masalah banjir kilat di sekitar kawasan Kg. Periuk, KL
4.	Cadangan mempertingkatkan sistem saliran untuk mengatasi masalah banjir kilat di sekitar kawasan Jalan Hang Lekiu, Jalan Gereja dan Raja Chulan, Kuala Lumpur
5.	Cadangan mempertingkatkan sistem perparitan dan pengurusan air hujan untuk mengatasi masalah banjir kilat di Jalan Cheras berhampiran Taman Desa Aman dan Taman Mutiara Barat

Kajian dasar yang telah dibuat bagi menangani ancaman banjir kilat termasuklah **Pelan Tindakan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022** yang melibatkan pelbagai projek mitigasi banjir merangkumi tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang, berdasarkan keperluan dan kesesuaian di lokasi-lokasi titik panas banjir yang telah dikenalpasti dan juga berdasarkan cadangan langkah mitigasi banjir yang dicadangkan oleh pihak perunding mengikut **Pelan Induk Saliran dan Pengurusan Air Hujan Kuala Lumpur**.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KELIMA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2022**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN Ir. Ts. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN**

**SOALAN**

**TUAN Ir. Ts. HAJI KHAIRIL NIZAM BIN KHIRUDIN** minta **MENTERI WILAYAH** menyatakan usaha yang dilakukan secara jangka masa panjang dan jangka masa pendek bagi menghadapi banjir kilat yang sering berlaku di kawasan sekitar Kuala Lumpur.

## **JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) telah dan akan melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk tindakan khas dalam tempoh interim bagi tujuan menangani banjir kilat di Kuala Lumpur dengan segera mengikut **Pelan Tindakan Tebatan Banjir Kilat Kuala Lumpur 2022.**

Antara tindakan **serta-merta** yang telah dan akan diambil di kawasan yang terlibat dengan banjir kilat ialah dengan memastikan kelancaran air ke lubang saluran air ke longkang. Kerja pengorekan kelodak kolam takungan banjir dan penyelenggaraan sungai dan parit induk turut dilaksanakan. Guni-guni pasir juga telah dipasang di kawasan rendah limpahan air sungai.

DBKL menempatkan petugas, lebih **400** sukarelawan berdaftar dan jentera trak penunda serta 100 Warden Trafik DBKL untuk mempertingkatkan kawalan dan penyuraian trafik di kawasan *titik panas* banjir kilat dengan kerjasama Polis Trafik Kuala Lumpur.

Selain itu, DBKL telah dan akan melaksanakan pelbagai projek mitigasi banjir merangkumi tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang, berdasarkan keperluan dan kesesuaian di lokasi-lokasi titik panas banjir yang telah dikenalpasti dan juga berdasarkan cadangan langkah mitigasi banjir yang dicadangkan oleh pihak perunding mengikut **Pelan Induk Saliran dan Pengurusan Air Hujan Kuala Lumpur.**

Di samping itu, sebagai tindakan jangka panjang, pembinaan terowong simpanan air bawah tanah berskala besar di Kuala Lumpur sedang dirancang untuk dibina di bawah jajaran sungai atau jalan raya sedia ada. Buat masa ini, DBKL sedang melantik juruperunding untuk melaksanakan kajian kesesuaian terhadap cadangan tersebut. Terowong simpanan air bawah tanah berskala besar ini telahpun dibina di beberapa bandar besar seperti Tokyo, Bangkok, Singapura dan Amsterdam, dan kita mengambil contoh terbaik sebagaimana bandar-bandar tersebut mengatasi masalah banjir di tempat mereka. Sekian, terima kasih.